

Headline	NGO desak kerajaan kaji semula kenaikan tarif elektrik		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	07 Dec 2013	Language	Malay
Circulation	173,387	Readership	699,000
Section	Dlm Negeri	Page No	22
ArticleSize	192 cm <sup>2</sup>	Journalist	N/A
PR Value	RM 11,490		



## NGO desak kerajaan kaji semula kenaikan tarif elektrik

KUALA LUMPUR 6 Dis. - Beberapa pertubuhan bukan kerajaan (NGO) mendesak kerajaan supaya mengkaji semula kenaikan kadar purata tarif elektrik yang akan berkuat kuasa Januari depan.

Presiden Pertubuhan Martabat Jalinan Muhibbah Malaysia (MJMM), **Abdul Rani Kulup Abdullah** berkata, kenaikan tarif tersebut hanya akan membebankan rakyat yang sedang berhadapan dengan kenaikan harga barangan.

"Kita memang tidak setuju dengan kenaikan (tarif elektrik) tersebut kerana masyarakat masih menghadapi impak akibat kenaikan harga barangan sebelum ini.

"Lagipun, Tenaga Nasional Berhad (TNB) sebagai syarikat utiliti elektrik terbesar di negara ini sering mengaut keuntungan, maka tiada sebab untuk kerajaan menaikkan tarif elektrik," katanya kepada *Utusan Malaysia* ketika dihubungi, di sini hari ini.

Mulai 1 Januari 2014, kadar purata tarif elektrik di Semenanjung akan dinaikkan sebanyak 4.99 sen bagi kilowatt per jam (kWj) atau peningkatan sebanyak 14.89 peratus daripada kadar purata semasa 33.54 sen/kWj kepada 38.53 sen/kWj.

Bagi Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan, pula kadar purata tarif elektrik akan dinaikkan sebanyak 5 sen kWj, peningkatan sebanyak 16.9 peratus daripada kadar semasa iaitu 29.52 sen/kWj kepada 34.52 sen/kWj.

Sementara itu, Ketua Wira Pertubuhan Pribumi Perkasa Malaysia (Perkasa), **Irwan Fahmi Ideris** ber-

kata, memandangkan keadaan ekonomi yang tidak berapa stabil pada masa ini, kerajaan perlu menimbangkan semula cadangan menaikkan kadar tarif elektrik.

"Tenaga elektrik merupakan antara keperluan asas rakyat. Jika tarif elektrik dinaikkan, ini akan membebankan mereka yang kurang berkemampuan," katanya.

Presiden Majlis Belia Felda Malaysia (MBFM), **Anuar Abd. Manap** turut mendesak kerajaan mengkaji semula kenaikan kadar purata tarif elektrik kerana syarikat milik kerajaan (GLC) perlu membantu masyarakat.

"Jika kerajaan masih mahu menaikkan kadar tarif elektrik, saya cadangkan supaya Petroliaam Nasional Bhd. (Petronas) dan TNB yang menagut keuntungan jutaan ringgit supaya membantu meringankan beban rakyat dengan menanggung sebahagian daripada jumlah kenaikan tarif tersebut.

"Dengan cara itu, masyarakat akan nampak sumbangan GLC kepada rakyat dan pembangunan negara," katanya.



ABDUL RANI

IRWAN FAHMI IDERIS

ANUAR ABD. MANAP